



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JK / MP 16 Jld. 5
Tarikh : Mac 2012

13

Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Majistret
Seluruh Malaysia

Pendaftar/Pendaftar Kanan
Mahkamah Sesyen/Majistret
Seluruh Malaysia

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL 1 TAHUN 2012

KES-KES BERPROFIL TINGGI

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Perhatian YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dibawa mengenai perkara tersebut di atas di mana kebelakangan ini terdapat kes-kes berprofil tinggi yang mendapat liputan media massa, media cetak dan elektronik serta mendapat perhatian umum dan kadangkala di bangkitkan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Ketua Pendaftar kes-kes berprofil tinggi yang didaftarkan dan masih tertunggak di mahkamah YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk tindakan lanjut Pejabat ini. Laporan tersebut hendaklah disertakan dengan memberikan kronologi dan status terkini kes-kes berprofil tinggi di bawah kendalian YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan dengan menggunakan format seperti di lampiran A setiap kali terdapat perkembangan mengenai kes tersebut.

4. Kes-kes berprofil tinggi dikategorikan sebagai berikut :-


- (i) Kes-kes yang melibatkan orang kenamaan seperti berikut:
 - (a) Sultan, Raja, Tuan Yang Terutama (TYT) dan kerabat dekat ;
 - (b) Menteri Kabinet, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Parlimen (Dewan Rakyat/Dewan Negara), Ahli Dewan Undangan Negeri , Ahli Dewan Diraja atau Majlis Pangkuan Negeri (atau apa-apa nama majlis sedemikian digelar), dan pemimpin politik yang lain yang memegang jawatan tinggi di dalam Kerajaan atau parti politik;
 - (c) Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman;
 - (d) Pegawai dan Pegawai Kanan Kerajaan iaitu di dalam Kumpulan Perkhidmatan Pengurusan dan Profesional dan Ketua Jabatan Persekutuan /Negeri dan Agensi Kerajaan;
- (ii) Kes-kes yang melibatkan kepentingan awam dan negara ;
- (iii) Kes-kes yang mendapat perhatian umum atau yang difikirkan akan mendapat perhatian umum.

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah


(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k :

1. YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
3. YAA Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
4. YAA Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
Kuching, **SARAWAK**
5. Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
6. Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
7. Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA
8. Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
Kuching, **SARAWAK**

FORMAT DI BAWAH INI
DIGUNAKAN BAGI
PENGHANTARAN KALI PERTAMA

Mahkamah: Majistret (2) Bukit Mertajam
Nama Hakim/Majistret: MOHD AZHAR BIN HAMZAH
Status Kes-kes Lama (Kes Jenayah)

LAMPIRAN A

Bil	Tarikh Difailkan	No. Kes dan pihak-pihak	Jenis Tuntutan	Peguam/ (Nama)	Tarikh hari ini dan tujuan	Fakta kes	Tarikh Akan Datang (Sebutan/ Bicara/ Sambung Bicara)	Status kes / Peringkat Kes
1	1.1.2012	22-1-2012 Tan Sri Tajudin Abu v. Danaharta	Saman Malu	Peguam P: Peguam D:	9.12.2012 Kandungan 3 permohonan Plaintif untuk memasukkan Pihak Ketiga	Plaintif telah menyaman Defendan menuntut sejumlah gantirugi sebanyak () kerana Defendan dikatakan telah megeluarkan kata-kata kesat berbaur fitnah apabila menyiarkan kenyataan di dalam akhbar (). Defendan di dalam pembelaannya telah mengggunakan justifikasi sebagai pembelaannya. (Sila rumuskan Penyataan Tuntutan dan Pembelaan Defendan) Plaintif telah failkan Saman Dalam Kamar (En. 3) untuk satu permohonan memasukkan pihak ketiga	10.3.2012	Untuk sebutan bagi menetapkan tarikh bicara Kandungan 3 dan memastikan semua Affidavit telah difailkan

FORMAT DI BAWAH INI
DIGUNAKAN BAGI
PENGHANTARAN SETERUSNYA

Mahkamah: Majistret (2) Bukit Mertajam
Nama Hakim/Majistret: MOHD AZHAR BIN HAMZAH
Status Kes Berprofil Tinggi (Kes Jenayah)

LAMPIRAN A

Bil	No. Kes dan pihak-pihak	Tarikh Sebutan/Bicara/Sambung Bicara dan tujuan	Status Kes	Tarikh Akan Datang (Sebutan/Bicara/Sambung Bicara) us kes / Peringkat Kes	Status tarikh akan Datang
1	22-1-2012 Tan Sri Tajudin Abu v. Danaharta	10.3.2012 (s) untuk En. 3 permohonan untuk memasukkan pihak ketiga	Defendan telah menfailkan semua Affidavit dan pihak-pihak bersetuju Bicara permohonan ditetapkan pada 20 Mac 2012	20 Mac 2012	Bicara En. 3